

## Nota Bahasa Melayu – Penanda Wacana

Teknik penulisan **Karangan/ Esei** yang baik untuk pelajar **tahap PT3**



### Kesinambungan Ayat : Penanda Wacana

#### Cadangan

Penanda Wacana	Isi 1	Isi 2	Isi 3
Ayat Isi	Salah satunya, Umum mengetahui bahawa	Selain itu, Seterusnya, Di samping itu dll	Akhir sekali
Huraian (Boleh digunakan bagi ayat rangsangan)	Dalam konteks ini, Secara umumnya, Tidak syak lagi, Hal ini demikian kerana, Tidak dapat dinafikan bahawa... Tidak hairanlah,		
Contoh	Contohnya, Misalannya, Secara analoginya, Sebagai buktinya, Tamsilnya,		
Penegas (Boleh digunakan untuk penutup)	Pokok pangkalnya, Pendek kata, Tuntasnya, Jelaslah bahawa... Kesimpulannya, Konklusinya,		

#### Contoh Karangan : Topik Kebaikan-kebaikan Rumah Terbuka

Isi ruang kosong dengan kata-kata yang sesuai (Penanda Wacana/ Peribahasa)

\_\_\_\_\_, Rumah Terbuka didefnisikan sebagai aktiviti keramaian yang diadakan sempena musim perayaan untuk menjamu tetamu dan undangan tanpa mengira bangsa dan agama. \_\_\_\_\_, amalam ini mampu menjadi pemangkin kepada perpaduan di negara kita selaras dengan kata-kata hikmat, \_\_\_\_\_. \_\_\_\_\_, apakah sebenarnya kebaikan – kebaikan Rumah Terbuka kepada diri, masyarakat dan negara?

\_\_\_\_\_, amalan kunjung-mengunjungi dapat dipraktikkan dalam aktiviti tersebut terutamanya melibatkan kejiraninan setempat. \_\_\_\_\_, masyarakat dapat bersua muka dan berkenalan antara satu sama lain, sekaligus menjadikan

mereka lebih peka dengan persekitaran mereka. \_\_\_\_\_, apabila kita sudah mengenali jiran-jiran kita, sudah tentu perumahan sekitar lebih selamat kerana kita dapat mencegah individu yang tidak dikenali menceroboh kawasan kita. \_\_\_\_\_, amalan Rumah Terbuka sangat dianjurkan bagi mengeratkan silaturahim dalam tetangga bak kata mutiara, \_\_\_\_\_.

\_\_\_\_\_, tradisi tersebut mampu menjadikan ahli komuniti lebih **cakna** dengan kebudayaan di negara kita yang terkenal dengan masyarakat majmuk. \_\_\_\_\_, kesedarannya yang rendah mengenai kebudayaan kaum yang lain akan mencetuskan salah faham dan mungkin menyalakan api persengkataan. \_\_\_\_\_, setiap kaum ada mempunyai hukum-hakamnya seperti orang Islam yang haram kepada mereka makan daging babi dan minuman keras sebagaimana golongan Hindu yang dilarang makan daging lembu. \_\_\_\_\_, pengetahuan mengenai kebudayaan kaum lain mampu mewujudkan sikap bertoleransi dan saling memahami lantaran melahirkan nilai perpaduan yang utuh sebagaimana kata-kata orang tua-tua, \_\_\_\_\_.

\_\_\_\_\_, aktiviti Rumah Terbuka merupakan langkah terbaik dalam mendidik semangat kerjasama antara jiran sekeliling. \_\_\_\_\_, jiran-jiran dan saudara-mara terdekat akan berganding bahu membantu tuan rumah bagi menjayakan majlis mereka selain meringankan bebanan yang ditanggungnya. \_\_\_\_\_, sesetengah tuan rumah, kebiasaanya di luar bandar, lebih gemar mengadakan gotong-royong dalam majlis mereka menjadikan budaya kerjasama tersemai dalam diri mereka. \_\_\_\_\_, norma kerjasama dalam hidup bermasyarakat \_\_\_\_\_ dapat dididik dalam aktiviti tersebut sesuai dengan nilai adat ketimuran yang kita amalkan sejak nenek moyang kita lagi.

\_\_\_\_\_, setiap warga Malaysia wajarlah mempraktikkan budaya Rumah Terbuka sebagai tradisi tanah air kita agar dapat mengukuhkan perpaduan dan semangat kebangsaan demi kemakmuran kita bersama. Benarlah peribahasa Melayu yang menyatakan bahawa \_\_\_\_\_.

Dengan ini, kita mampu menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan masyarakat madani melalui nilai perpaduan yang mapan melalui slogan Hari Kebangsaan, \_\_\_\_\_.

**Latihan Tamat**  
**Selamat Maju Jaya**  
**Cikgu Norhairie Nordin**